

**GANJARAN HONG LEONG BANK CONNECT: RM1,000,000 UNTUK REBUTAN DENGAN HLB CONNECT QR PAY**

Dikemaskini pada 09 Mac 2022

**TEMPOH KEMPEN**

“Ganjaran Hong Leong Bank Connect: RM1,000,000 Untuk Rebutan Dengan HLB Connect QR Pay”) (“Kempen”) Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) (“HLB”) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (200501009144 (686191-W)) (“HLISB”) (secara kolektif disebut “Bank”) bermula pada **10 Mach 2022** dan berakhir pada **31 Disember 2022**, termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Kempen”), melainkan diberitahu sebaliknya.

**TERMA & SYARAT**

Terma dan syarat Kempen (“T&Cs”) adalah seperti berikut:

**KELAYAKAN**

1. Kempen ini terbuka kepada Pemegang Akaun Sedia Ada atau Baharu Bank (seperti ditakrif menurut Fasal 2), warga Malaysia dan juga bukan warga Malaysia, termasuk Pelanggan Perbankan Prioriti & Perbankan Persendirian Hong Leong (“Pelanggan”).
2. Bagi mengelakkan keraguan:
  - (a) “**Pemegang Akaun Baharu**” bermaksud pemegang akaun utama individu yang tidak mempunyai sebarang Akaun Sertaan/Akaun Sertaan-i (seperti ditakrif menurut Fasal 4) sebelum Tempoh Kempen dan telah membuka Akaun Sertaan/Akaun Sertaan-i semasa Tempoh Kempen.
  - (b) “**Pemegang Akaun Sedia Ada**” bermaksud pemegang akaun utama individu yang telah membuka Akaun Sertaan/Akaun Sertaan-i sebelum Tempoh Kempen.
3. Kelayakan pengguna bagi QR Pay adalah tertakluk kepada terma dan syarat Akaun Sertaan/Akaun Sertaan-i berkenaan. Kelayakan menggunakan QR Pay menjadi prasyarat kelayakan dalam Kempen ini. Pelanggan mestilah memenuhi kriteria baki akaun minimum bagi Akaun Sertaan/Akaun Sertaan-i berkenaan selepas melakukan transaksi QR Pay.
4. Akaun sertaan/akaun sertaan-i (“**Akaun Sertaan/Akaun Sertaan-i**”) bagi Kempen ini adalah seperti berikut:
  - (a) Hong Leong Basic Current Account/Hong Leong Basic Current Account-i;
  - (b) Hong Leong Current Account/Hong Leong Current Account-i;
  - (c) Hong Leong 3-in-1 Junior Account/Hong Leong 3-in-1 Junior Account-i;
  - (d) Hong Leong Pay&Save Account/Hong Leong Pay&Save Account-i;
  - (e) Hong Leong Current One Account-i;
  - (f) Hong Leong Basic Savings Account/Hong Leong Basic Savings Account-i;
  - (g) Hong Leong Savings Account/Hong Leong Savings Account-i;
  - (h) Hong Leong Harvest Saving Account;
  - (i) Hong Leong Top Yield Account;
  - (j) Hong Leong Premium Savings Account;
  - (k) Hong Leong Multi-tier Savings Account-i;
  - (l) Hong Leong Smartlink Account;
  - (m) Hong Leong One Account;
  - (n) Hong Leong Senior Savers Saving Account;
  - (o) Hong Leong Senior Prime CA Account;
  - (p) Hong Leong Payroll Basic Saving Account/Hong Leong Payroll Basic Saving Account-i;
  - (q) Hong Leong Payroll Savings Account/Hong Leong Payroll Savings Account-i; and
  - (r) Hong Leong Payroll Pay&Save Account/Hong Leong Payroll Pay&Save Account-i.

- Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh Bank atau telah diisytiharkan mufliis menurut petisyen oleh Bank atau institusi kewangan lain atau oleh mana-mana pihak ketiga atau bakal dikenakan prosiding kemufliisan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen **TIDAK** layak menyertai Kempen ini.
- Kempen ini **TIDAK** sah dengan mana-mana promosi lain yang sedang berlangsung ditawarkan Bank dari semasa ke semasa.

#### **KAEDAH KEMPEN**

- Semasa Tempoh Kempen, Pelanggan yang melakukan transaksi QR Pay **menerusi HLB Connect App** dengan amaun transaksi minimum sebanyak **Ringgit Malaysia Lima Belas (RM15) setiap satu** (“**Kriteria Kempen**”) layak menerima pulangan tunai segera (“**Pulangan Tunai**”), tertakluk kepada T&Cs di dalam ini. Pelanggan yang memenuhi Kriteria Kempen akan disebut “**Pelanggan Layak**”.
- Jika Pelanggan Layak menyempurnakan Kriteria Kempen semasa Tempoh Kempen seperti ditakrif menurut Fasal 7, maka Pelanggan Layak itu akan menerima Pulangan Tunai. Pelanggan Layak boleh melakukan transaksi QR Pay di mana-mana peniaga sertaan DuitNow QR yang mempamerkan kod DuitNow QR untuk menerima bayaran.
- Pulangan Tunai akan dikreditkan ke dalam Akaun Sertaan/Akaun Sertaan-i Pelanggan Layak dengan serta-merta. Pulangan Tunai tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar untuk kredit muka, cek atau manfaat barangan.

#### **PULANGAN TUNAI HARI LAZIM: 3% PULANGAN TUNAI (“Promosi A”)**

- Promosi A boleh didapati setiap hari semasa Tempoh Kempen kecuali hari-hari Promosi B. Pelanggan Layak berhak menerima Pulangan Tunai 3% sehingga Pulangan Tunai maksimum **Ringgit Malaysia Satu (RM1)** bagi setiap transaksi QR Pay semasa Tempoh Kempen. Pelanggan Layak yang telah menyempurnakan Kriteria Kempen akan menerima Pulangan Tunai atas dasar siapa cepat dia dapat. Setiap Pelanggan Layak berhak menerima maksimum tiga puluh (30) Pulangan Tunai sepanjang Tempoh Kempen bagi Promosi A.

#### **PULANGAN TUNAI HARI DUA DIGIT: 8% PULANGAN TUNAI (“Promosi B”)**

- Promosi B boleh didapati pada “Hari-hari Dua Digit” seperti ditakrif di bawah:

<b>Hari-hari Dua Digit</b>	
4 April 2022	8 Ogos 2022
5 Mei 2022	9 September 2022
6 Jun 2022	10 Oktober 2022
7 Julai 2022	11 November 2022
12 Disember 2022	

- Pelanggan Layak berhak mendapat 8% Pulangan Tunai sehingga Pulangan Tunai maksimum **Ringgit Malaysia Tiga (RM3)** bagi setiap transaksi QR Pay semasa Tempoh Kempen.
- Pelanggan Layak yang telah menyempurnakan Kriteria Kempen akan menerima Pulangan Tunai atas dasar siapa cepat dia dapat. Jumlah Peruntukan Pulangan Tunai bagi Promosi B ini dihadkan setakat **Ringgit Malaysia Satu Ratus Tiga Puluh Ribu (RM130,000)** sepanjang Tempoh Kempen seperti dalam contoh di bawah Fasal 15 (Jadual 1). Setiap Pelanggan Layak berhak menerima maksimum tiga (3)

Pulangan Tunai pada setiap Hari Dua Digit dan maksimum dua puluh tujuh (27) Pulangan Tunai sepanjang Tempoh Kempen bagi Promosi B.

### PEMENUHAN KEMPEN

14. Jumlah peruntukan Pulangan Tunai bagi setiap bulan Kempen ini dihadkan setakat amaun yang ditetapkan menurut Fasal 15 di bawah ("**Had Jumlah Pulangan Tunai Bulanan**") dan jumlah peruntukan Pulangan Tunai bagi seluruh Tempoh Kempen dihadkan setakat **Ringgit Malaysia Satu Juta (RM1,000,000)** sahaja ("**Had Jumlah Pulangan Tunai Kempen**"). Pulangan Tunai akan diberi kepada Pelanggan Layak atas dasar siapa cepat dia dapat berdasarkan Kriteria Kempen yang direkodkan dalam sistem Bank. Sebaik sahaja Had Jumlah Pulangan Tunai Bulanan telah tercapai, Pulangan Tunai tidak akan diberi lagi kepada Pelanggan Layak untuk baki hari-hari berkenaan dalam bulan tertentu dan sebaik sahaja Had Jumlah Pulangan Tunai Kempen telah tercapai, Pulangan Tunai tidak akan diberi lagi kepada Pelanggan Layak di bawah Kempen ini. Bank tidak berkewajipan memaklumkan kepada Pelanggan Layak apabila peruntukan Pulangan Tunai telah mencapai Had Jumlah Pulangan Tunai Bulanan dan/atau Had Jumlah Pulangan Tunai Kempen.
15. Had Jumlah Pulangan Tunai Bulanan adalah seperti berikut:

**Jadual 1**

Peringkat*	Tempoh Kempen	Had Jumlah Pulangan Tunai Bulanan		Had Bulanan (RM)
		Pulangan Tunai 3% (RM)	8% Pulangan Tunai (RM)	
Peringkat 1	Mac 2022	62,200	–	62,200
	April 2022	69,600	10,000	79,600
	Mei 2022	69,600	10,000	79,600
	Jun 2022	69,600	10,000	79,600
	Julai 2022	78,300	15,000	93,300
Peringkat 2	Ogos 2022	87,000	15,000	102,000
	September 2022	87,000	15,000	102,000
	Oktober 2022	87,000	15,000	102,000
	November 2022	130,500	15,000	145,500
	Disember 2022	139,200	15,000	154,200
<b>Jumlah</b>		<b>870,000</b>	<b>130,000</b>	<b>1,000,000</b>

*\*PENTING: Kempen ini akan dilancarkan dalam 2 peringkat dan Bank berhak memperhalusi kaedah Kempen bagi peringkat 2.*

16. Pelanggan Layak berkewajipan menghubungi Bank jika tidak menerima Pulangan Tunai selewat-lewatnya 15 Januari 2023, dan kegagalan berbuat demikian Pelanggan Layak akan dianggap telah menerima Pulangan Tunai dan sebarang tuntutan pembayaran ganti selepas 15 Januari 2023 tidak akan dilayani.

### UMUM

17. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Layak bersetuju:
- telah membaca, memahami, menerima dan mematuhi T&Cs di dalam ini, Terma dan Syarat Am Akaun, Terma dan Syarat penggunaan HLB Connect serta Terma dan Syarat berkenaan Akaun-akaun Sertaan;
  - semua rekod transaksi yang dirakam dalam sistem Bank bagi tujuan Kempen ini adalah muktamad;
  - keputusan Bank atas semua hal berkaitan dengan Kempen adalah tepat, muktamad dan mengikat ke atas seluruh Pelanggan Layak. Sebarang rayuan atau surat-menyurat tidak akan dilayani;

- (d) mengakses laman web HLB di [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my) ("**Laman Web Bank**") dari semasa ke semasa untuk menyemak T&Cs Kempen dan memastikan sentiasa mengikuti sebarang perubahan atau pindaan kepada T&Cs;
- (e) dipertanggungjawabkan dan akan menanggung sendiri segala cukai berkenaan, fi berkenaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan ke atas mereka menurut undang-undang berkenaan, jika ada, berkaitan dengan penyertaan mereka dalam Kempen.

18. Bank berhak:

- (a) menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda T&Cs yang terkandung di dalam ini, sama ada keseluruhan atau sebahagian, atau menamatkan Kempen dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web Bank dengan memberi dua puluh satu (21) hari notis awal, atau dengan apa-apa cara lain yang dianggap sesuai oleh Bank;
- (b) melucutkan kelayakan mana-mana Pelanggan Layak kerana tidak mematuhi T&Cs di dalam ini daripada menyertai Kempen ini dan/atau daripada berhak menerima Ganjaran Pulangan Tunai; dan
- (c) menolak balik dana sekiranya didapati berlakunya penipuan, pelanggaran terhadap T&C Kempen atau akaun tidak aktif.

19. T&Cs di dalam ini, Terma dan Syarat Am Akaun, Terma dan Syarat penggunaan HLB Connect dan terma dan syarat berkenaan Akaun-akaun Sertaan hendaklah dibaca sebagai perjanjian keseluruhan. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara T&Cs ini di dalam ini, Terma dan Syarat Am Akaun, terma dan syarat penggunaan HLB Connect dengan terma dan syarat berkenaan Akaun-akaun Sertaan, maka T&Cs tertentu di dalam ini hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut.

20. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara T&Cs ini berbanding dengan bahan-bahan pengiklanan, promosi dan publisiti dan bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Kempen ini, maka T&Cs dalam Laman Web Bank hendaklah diutamakan.

21. T&Cs di dalam ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah-mahkamah Malaysia.

22. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak, dan begitu juga sebaliknya.

**Produk Deposit-i adalah akaun deposit berlandaskan prinsip Syariah iaitu Tawarruq.**

**Produk Deposit/Deposit-i dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.**

Jika ada mempunyai apa-apa kemusykilan mengenai T&Cs, sila dapatkan penjelasan daripada kakitangan kami yang melayani anda. Atau pun anda boleh hantar emel kepada kami di [hlonline@hlbb.hongleong.com.my](mailto:hlonline@hlbb.hongleong.com.my)